

SMK SUNGAI MANIK, 36000 TELUK INTAN, PERAK

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020
BAHASA MELAYU
Kertas 1**

**SKEMA JAWAPAN
BAHASA MELAYU KERTAS 1
1103/1**

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 atas (28 – 30) (26 – 27) bawah	Karangan menepati tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat . Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan) Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang .
Kepujian	20 – 25 atas (23 – 25) (20 – 22) bawah	Karangan menepati tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi. Penggunaan kosa kata luas . Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas .
Memuaskan	15 – 19 atas (17 – 19) (15 – 16) bawah	Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum . Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
Kurang Memuaskan	10 – 14 atas (12 – 14) (10 – 11) bawah	Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara . Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara . Penggunaan kosa kata terhad . Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiananya kurang jelas.

Pencapaian Minimum	01 – 09 atas (06 – 09) (01 –05) bawah	Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.
--------------------	---	--

**Bahagian A: Karangan Berpandukan Bahan Rangsangan
[30 markah]**

SOALAN BAHAGIAN A

Huraikan pendapat anda tentang peranan remaja dalam pembangunan negara.

TUGASAN : Calon dapat menghuraikan peranan remaja dalam pembangunan negara.

CADANGAN JAWAPAN

1. Memiliki ilmu pengetahuan

- membaca bahan bacaan ilmiah
- menggunakan kemudahan jalur lebar untuk meningkatkan ilmu pengetahuan
- berkunjung ke perpustakaan
- mempelajari pelbagai pengetahuan dan kemahiran daripada pelbagai sumber
- menguasai kemahiran komunikasi yang berkesan

2. Memiliki Jati Diri

- memiliki etika atau personaliti yang luhur
- berdisiplin dan berakhlak mulia
- mempunyai pegangan agama yang kukuh
- mempunyai semangat cinta akan negara
- membentuk diri sebagai modal insan yang cemerlang

3. Mengamalkan gaya hidup sihat.

- melakukan senaman secara konsisten
- menjaga pemakanan setiap masa / amalkan pemakanan seimbang
- menjauhi bahan terlarang dan alkohol
- sentiasa menjaga batas pergaulan
- bersenam dan beriadah pada masa lapang

CADANGAN UNGKAPAN MENARIK

- di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
- usaha tangga kejayaan
- pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara
- badan cergas, otak cerdas
- di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka
[100 markah]

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**.
Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

()	= Kesalahan isi
—	= Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	= Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	= Kesalahan ejaan yang berulang
○	= Kesalahan tanda baca

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	Kegramatisan – kata (morfologi) ,- ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	Tema Isi utama Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh) Kerelevanan
4. PENGOLAHAN	Wacana Logik Pemerenggan Format
5. GAYA BAHASA	Keindahan bahasa Ungkapan Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<p>Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. Ejaan dan tanda baca betul. Laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Idea relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Penggunaan unsur bahasa bervariasi. Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</p>
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<p>Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Ejaan dan tanda baca betul. Laras bahasa sesuai dengan tugas. Penggunaan kosa kata luas dan tepat Idea relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</p>
BAIK	51 - 65 (58 – 65) (51 – 57)	<p>Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Ejaan dan tanda baca masih betul. Laras bahasa sesuai mengikut tugas. Penggunaan kosa kata umum. Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. Pengolahan masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. Wacana masih lengkap Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</p>

MEMUASKAN	<p>36 – 50</p> <p>(43 – 50)</p> <p>(36 – 42)</p>	<p>Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. Ayat kurang gramatis. Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Laras bahasa kurang sesuai. Penggunaan kosa kata umum dan terhad. Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai. Wacana masih / kurang lengkap Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</p>
KURANG MEMUASKAN	<p>21 – 35</p> <p>(28 – 35)</p> <p>(21 – 27)</p>	<p>Penggunaan kata kurang tepat. Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. Pengolahan tidak menarik. Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. Unsur bahasa tidak bervariasi. Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</p>
PENCAPAIAN MINIMUM	<p>01 – 20</p> <p>(11 – 20)</p> <p>(01 – 10)</p>	<p>Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. Pengolahan tidak menarik. Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.</p>

Bahagian B

Soalan 1

Pada era globalisasi ini, penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang akan menentukan kejayaan masa hadapan kepada seseorang.

Sebagai seorang pelajar, huraikan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.

TUGASAN : Calon dapat menghuraikan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.

FORMAT : Tiada

CADANGAN ISI:

- a. memperoleh ilmu dengan membaca kerana membaca *gedung ilmu*. Kita boleh membaca secara konvensional dengan membaca buku pelbagai aspek ilmu seperti bahasa, matematik, sains dan sebagainya.
- b. menuntut ilmu pengetahuan dengan memberi tumpuan kepada sesi pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas.
- c. membentuk kumpulan belajar mampu meningkatkan kefahaman terhadap ilmu pengetahuan, terutama mata pelajaran yang tidak kita kuasai.
- d. menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan pelajar adalah dengan mengikuti kelas tuisyen atau program kecemerlangan anjuran sekolah.
- e. pemilihan buku hasil karya pengarang tersohor amat penting untuk saya meraih pengalaman mereka menggapai kecemerlangan dalam kehidupan terutama kejayaan mereka memperoleh ilmu pengetahuan dalam kehidupan.

Soalan 2 :

Ibu bapa memainkan peranan yang besar dalam dunia pendidikan anak-anak terutamanya pada era revolusi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kini.

Huraikan tanggungjawab ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pembelajaran.

TUGASAN : Calon dapat menghuraikan tanggungjawab ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pembelajaran.

FORMAT : Tiada

CADANGAN ISI :

- a. memberikan pendidikan tentang penggunaan Internet.
- b. mendidik etika penggunaan Internet.
- c. memperkenalkan aplikasi pembelajaran yang menarik
- d. memperuntukkan masa yang sesuai untuk menggunakan Internet

- e. menyekat laman-laman web yang lucu dan tidak berfaedah

Soalan 3 :

Anda akan menyertai pertandingan syarahan yang bertajuk ‘Pendidikan Industri Pemangkin Pembangunan Negara’.

Tulis teks syarahan itu selengkapnya.

TUGASAN : Calon dapat menghuraikan Pendidikan Industri Pemangkin Pembangunan Negara.

FORMAT : Syarahan

CADANGAN ISI :

- a. sektor perindustrian dapat meningkatkan pendapatan negara
- b. sektor perindustrian turut mampu membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.
- c. kemajuan bidang perindustrian turut dapat merangsang perkembangan sektor pertanian.
- d. dapat mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara supaya tak terlalu bergantung kepada eksport seperti getah, kelapa sawit, bijih timah dan kayu-kayan.
- e. hasil eksport barangan kilang dapat tambah hasil pendapatan negara sumber pertukaran wang asing.
- f. kemajuan sistem pengangkutan dan perhubungan.
- g. dapat mengeluarkan pelbagai jenis barangan keperluan penduduk untuk gantikan barangan import.

Soalan 4 :

Penularan wabak Coronavirus secara global telah menggegarkan satu dunia dari sudut kesihatan, keselamatan, ekonomi dan sosial di setiap negara selain menyebabkan kehilangan ribuan nyawa manusia.

Huraikan bentuk-bentuk kerjasama antara negara di dunia dalam usaha menangani isu-isu pandemik Coronavirus.

TUGASAN : Calon dapat menghuraikan bentuk-bentuk kerjasama antara negara di dunia dalam usaha menangani isu-isu pandemik Coronavirus.

FORMAT : Tiada

CADANGAN ISI:

- a. kerjasama yang boleh dijayakan adalah dalam bentuk penyelidikan dan pengembangan vaksin Covid-19 serta bidang epidemiologi, ubat-ubatan antivirus dan sistem kesihatan awam.

- b. kawal pergerakan dan sekatan perjalanan. Kerajaan akan meneruskan sekatan perjalanan untuk 3 wilayah di China iaitu Hubei, Jiangsu dan Zhejiang; Hokkaido, Jepun; Itali, Iran dan Republik Korea. Rakyat Malaysia dinasihatkan tidak melakukan perjalanan ke negara-negara yang terjejas dengan virus Covid-19.
- c. kerjasama antara negara luar bertujuan memudahcara urusan rakyat Malaysia yang terkandas di luar negara di bawa pulang ke negara Malaysia dan membantu kebajikan rakyat negara Malaysia yang tinggal di luar negara.
- d. kerjasama antara negara Asean khususnya dalam mengawal pintu sempadan dari kemasukan rakyat asing dan PATI bagi menangani isu Covid-19.
- e. kerjasama keperluan dan bantuan peralatan seperti “mask” dan alatan untuk merawat pesakit coronavirus di hospital yang tidak mencukupi di sesetengah negara seperti bantuan negara China ke Malaysia dan keperluan pesakit Covid-19 di Belanda.

Soalan 5 :

Karya sastera seperti novel mengandungi unsur jalan cerita yang banyak memberikan manfaat kepada pelbagai pihak.

Berdasarkan sebuah novel, jelaskan perkara-perkara yang dapat dijadikan panduan dalam hidup.

TUGASAN : Calon dapat menjelaskan perkara-perkara yang dapat dijadikan panduan dalam hidup berdasarkan sebuah novel.

FORMAT : Tiada

CADANGAN ISI:

- pelajar menyatakan tajuk novel yang dibaca dan pengarang novel tersebut
- menyatakan nilai dan pengajaran yang didapati daripada pembacaan novel tersebut yang boleh dicontohi dan menjadi panduan dalam kehidupan pelajar.

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT